

MBM, UMP jalin kerjasama latih pakar tempatan

BH (6/1/17)
Khamis
7/3/17
MSP 4

Mercedes-Benz Malaysia Sdn Bhd (MBM) merancang menarik lebih ramai bakat baru tempatan yang berprestasi tinggi untuk berkhidmat dengan pengeluar kereta jenama mewah terkemuka dunia itu.

Bagi tujuan itu, ia mengadakan kerjasama pertamanya dengan universiti tempatan, iaitu Universiti Malaysia Pahang (UMP) sebagai langkah awal membina hubungan jangka panjang dalam mencari individu berpotensi.

Naib Presiden dan Pengarah Urusan Kilang Pekan Mercedes-Benz Malaysia, Sebastian Streuff, berkata bagi mengekalkan kedudukan yang dimilikinya, syarikat itu memerlukan bakat terbaik tempatan untuk dilengkapkan dengan kepakaran yang sesuai.

Katanya, individu terbabit adalah untuk mengisi keperluan tenaga kerja di bawah kumpulan eksekutif berkecayaan tinggi-nya bagi kemudahan kilang Mercedes-Benz Malaysia pada masa depan.

"Kami mempunyai kumpulan eksekutif berkecayaan tinggi yang bertanggung jawab menjaga bahagian kejuruteraan, pengurusan kualiti dan pengurusan logistik.

Ini adalah bidang yang kami harap dapat diisi oleh pelajar UMP.

“
Syarikat juga komited menyediakan biasiswa kepada pelajar berprestasi dan terpilih supaya mereka dapat menyambung pengajian di Jerman”

“Syarikat juga komited menyediakan biasiswa kepada pelajar berprestasi dan terpilih supaya mereka dapat menyambung pengajian di Jerman, didekahkan dengan persekitaran di sana dan cara Mercedes-Benz beroperasi,” katanya pada sidang media selepas memeterai memorandum persefahaman dengan UMP di Kuala Lumpur, semalam.

Sebastian Streuff,
Naib Presiden dan
Pengarah Urusan
Kilang Pekan
Mercedes-Benz
Malaysia

Beliau memeterai memorandum itu bagi pihak Mercedes-Benz Malaysia, manakala UMP diwakili Naib Canselornya, Profesor Datuk Daing Nasir Ibrahim dan Timbalan Naib Canselor (Akedemik & Antarabangsa), Profesor Datuk Ir Badhrulhisham Abdul Aziz.

Kerjasama strategik itu akan membatinkan penyediaan latihan industri kepada pelajar, khidmat nasihat bagi pengurusan akademik, penyelidikan dan pembangunan modal insan.

Sementara itu, Daing Nasir berkata, kerjasama strategik dengan pengeluar automotif utama dunia itu akan memberikan manfaat besar kepada universiti khususnya sebagai kelebihan menarik minat calon pelajar menyambung pengajian di UMP.

Katanya, ia juga akan meningkatkan kredibiliti UMP sebagai hab pendidikan serantau yang mampu melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi dan berdaya saing dalam sektor automotif.